

TDM pelopor industri janakuasa biogas di Terengganu



Sultan Terengganu, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, menandatangani plak sebagai bentuk rasmi pelancaran Loji Janakuasa Biogas TDM di Kemaman.

KUALA TERENGGANU: TDM Berhad (TDM) melalui anak syarikat milik penuhnya, TDM Plantation Sdn. Bhd. (TDMP) meneruskan usaha dalam menghidupkan operasi perniagaannya dengan menjadi perintis dalam industri janakuasa biogas. Perasmian Loji Janakuasa Biogas yang merupakan hasil usahasama di antara TDM dan Concord Group ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan turut diiringi YBM Tengku Seri Bijaya Raja (Datuk Tengku Farok

Hussin Bin Tengku Abdul Jalil), Setiausaha Kerajaan Terengganu merangkap Pengerusi TDM, Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM dan Tan Sri Datuk Seri Mohd Hussin bin Abd Hamid, Pengerusi Eksekutif Concord Group.

Melalui perjanjian BOOT (*Build, Operate, Own, Transfer*) yang termeterai pada 2019, TDM dengan kerjasama Concord telah membangun, mengendali dan mengekalkan penjana kuasa berasaskan tenaga yang boleh diperbaharui. Projek bernilai hampir RM50 juta ini terdiri daripada dua loji Biogas yang menggunakan sistem lagun tertutup

di Kilang Minyak Sawit Kemaman dan Sungai Tong milik TDM. Kedua-dua kilang tersebut berpotensi menghasilkan sejumlah 29,784,000 kWj tenaga boleh diperbaharui pada setiap tahun. Pada Mac dan Jun 2022, kedua-dua Loji Janakuasa biogas TDM telah berjaya beroperasi sepenuhnya dan berhasil menjana 2 MW kuasa yang seterusnya disalurkan terus ke grid Tenaga Nasional Berhad.

Pengerusi TDM, YBM Tengku Seri Bijaya Raja berkata, "TDM komited dalam mencari ruang untuk mempertingkatkan kualiti perniagaan dan pada waktu yang sama berusaha untuk memastikan kelestarian alam sekitar terjamin. Seiring dengan misi syarikat dalam menukarkan 'waste to wealth', kami membuat keputusan untuk menggunakan peluang dan sumber yang kami sedia ada dengan memanfaatkan sisa buangan terutamanya dari kilang-kilang kami bagi menjana tenaga boleh diperbaharui sekaligus menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga tidak boleh diperbaharui. Pelaburan ini juga merupakan pelaburan pertama bagi pembangunan loji janakuasa biogas yang menerima manfaat Pakej Insentif ECER dan saya yakin, kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan meningkatkan momentum pertumbuhan di negeri Terengganu."

Pembinaan Loji Biogas ini merupakan salah satu strategi TDM bagi mengoptimalkan pengurusan rawatan efluen kilang sawit, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yg terhasil daripada sistem rawatan effluen kilang sawit sekaligus mengurangkan jejak karbon (carbon footprint) dalam menuju ke arah memacu pembangunan mampan. Pelaksanaan inisiatif berdasarkan teknologi hijau ini akan dapat memastikan penjagaan alam sekitar yang mampan dan juga membantu mengukuhkan lagi sistem rawatan olahan kilang sawit yang sedia ada supaya tidak mencemarkan alam sekitar. Selain itu, loji Biogas ini juga akan meningkatkan penjana tenaga boleh diperbaharui bagi menjamin bekalan tenaga negara yang mampan pada masa hadapan. Projek

ini turut menerima pengiktirafan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

"TDM sedar bahawa usaha ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa kerjasama ramai pihak dan kami dengan seikhlas hati ingin menyatakan penghargaan kepada setiap yang terlibat seperti Concord Group, MIDA, ECERDC, warga kerja TDM serta semua yang menyumbang dalam projek tersebut. Besar harapan kami agar langkah diambil ini akan sedikit sebanyak memberi inspirasi kepada yang lain untuk ikut serta dalam usaha menghidupkan operasi perniagaan demi menjaga kelestarian alam sekitar," tambah Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM. - TDM/HFR



Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar turut kelihatan pada majlis tersebut, memberikan ucapannya mengenai kepentingan mempercepatkan usaha untuk memastikan kelestarian planet kita.

Tiada keperluan tubuh jawatankuasa khas selamatkan tanah rizab melayu di Kedah - MB

ALOR SETAR: Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata tiada keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyelamatkan Tanah Rizab Melayu di negeri itu.

Beliau berkata ini kerana Tanah Rizab Melayu di Kedah masih terpelihara dengan dasar kerajaan negeri yang menjaga kepentingan tanah Melayu sekali gus tidak memerlukan penubuhan

jawatankuasa itu bagi menjaga tanah rizab tersebut.

"Tanah Rizab Melayu di Kedah selamat tak ada jawatankuasa pun selamat, kalau negeri lain ada penguangan, patut ia ditubuhkan. Kalau tubuh itu kritikal sangat, tapi kita tak kritikal, kita ada peningkatan sejak daripada 1933 diwartakan Tanah Rizab Melayu kita ada peningkatan sebanyak 408 hektar.

"Kita punya polisi kalau

pertukaran, tanah ganti itu mesti lima peratus lebih luas daripada tanah yang dicabut keluar dari Tanah Rizab Melayu, polisi itu kekal dan tidak timbul Tanah Rizab Melayu berkurang sebab penggantian mesti lebih luas daripada tanah asal," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri di sini hari ini.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi berkata kerajaan

negeri menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri pada 28 Mei telah meluluskan sebanyak 642 geran hak milik tanah di seluruh negeri.

Beliau berkata ia melibatkan proses permohonan penduduk yang mengusahakan tanah melebihi 20 tahun dan kelulusan paling banyak melibatkan daerah Pendang di Kampung Paya Serdang dan Langkawi.

"Saya harap pemilik tanah

yang diberi geran jangan jual tanah itu. Tiap-tiap kelulusan baharu ini ada sekatan 10 tahun untuk tanah-tanah ini diluluskan, jika ada permohonan untuk dijual beli, kita tak benarkan, jika gadaian bolehlah dia nak sandar di bank.

"Kita lulus ini untuk ada harta ada hak milik tanah untuk diwariskan kepada anak cucu, kalau nak jual kita tak benarkan," katanya. - BNM